# PRIVACY POLICY

*Updated March 2020*

REAPFIELD PROPERTIES (HQ) SDN BHD (Company No. 1237273-P) and its subsidiaries including:

REAPFIELD PROPERTIES (S.J) SDN BERHAD – 351345-M
REAPFIELD PROPERTIES (PUCHONG) SDN BHD – 661060-M

(collectively referred to as “Reapfield” or “we” or “us”)

are committed to protecting the privacy of the individuals we encounter in conducting our business. “Personal Information” is information that identifies and relates to you. This Privacy Policy describes how we handle Personal Information that we collect both through this website (the “Site”) and through other means (for example, from our forms that you complete, advertisements, telephone calls, e-mails and other communications with us, as well as from lawyers, bankers or other third parties involved in our business dealings with you.

(i) Who to contact about your Personal Information
If you have any questions about our use of your Personal Information you can e-mail: hello@reapfield.com or write to Reapfield Properties (HQ) Sdn Bhd, No. 1-8B, Jalan PJU 8/3A, Bandar Damansara Perdana, 478200 Petaling Jaya, Selangor.

(ii) Personal Information That We Collect
Depending on your relationship with us (for example, as a client-owner, client-purchaser, non-client or potential client or other person relating to our business), Personal Information collected about you may include:-

- General identification and contact information
  Your name; address; property details, e-mail and telephone details; maintenance and sinking fund rates; building approvals; rental agreement and returns/and all relevant information pertaining to the sale/rental of your property(ies).
- Identification numbers issued by government bodies or agencies

National Registration Identity card number; passport number; military/police identification number;

- Information enabling us to at present and in the future offer and provide properties and real estate services; Properties preferred and location
- Marketing preferences and customer feedback You may let us know your property preferences.

(iii) How We Use Personal Information

We use this Personal Information to:

- Communicate with you and others as part of our business.
- Send you important information regarding changes to our policies, other terms and conditions, the Site and other administrative information.
- Make decisions about whether to provide real estate services and services related thereto.
- Provide our real estate services to you.
- Carry out market research and analysis, including satisfaction surveys.
- Provide marketing information to you (including information about other properties offered by selected third-party partners) in accordance with preferences you have expressed.
- Manage our infrastructure and business operations, and comply with internal policies and procedures, including those relating to auditing; finance and accounting; billing and collections; IT systems; data and website hosting; business continuity; and records, document and print management.
- Resolve complaints, and handle requests for data access or correction.
- Comply with applicable laws and regulatory obligations such as those relating to anti-money laundering and anti-terrorism; comply with legal process; and respond to requests from public and governmental authorities (including those outside your country of residence).
- Establish and defend legal rights; protect our operations or those of any of our group companies or real estate business partners, our rights, privacy, safety or property, and/or that of our group companies, you or others; and pursue available remedies or limit our damages.

(iv) Sharing of Personal Information

Reapfield may make Personal Information available to:

- We may disclose your Personal Information to other subsidiaries within our group. These subsidiaries will treat your Personal Information as confidential, in accordance with this Privacy Policy and with all applicable Data Protection legislation and will process such Personal Information only for the purposes and within the terms set out herein.
- Other Estate agents or agencies/negotiators, property developers, builders
- Third party suppliers:
- External third-party service providers, such as solicitors, accountants, valuers, bankers and other outside professional advisors;
- Governmental authorities and third parties involved in court action Reapfield may also share Personal Information with governmental or other public authorities (including, but not limited to, workers' compensation boards, courts, law enforcement, tax authorities and criminal investigations agencies); and third-party civil legal process participants and their accountants, auditors, lawyers and other advisors and representatives as we believe to be necessary or appropriate: (a) to comply with applicable law, including laws outside your country of residence; (b) to comply with legal process; (c) to respond to requests from public and government authorities including public and government authorities outside your country of residence; (d) to enforce our terms and conditions; (e) to protect our operations or those of any of our group companies; (f) to protect our rights, privacy, safety or property, and/or that of our group companies, you or others; and (g) to allow us to pursue available remedies or limit our damages.
- Other Third Parties

  We may share Personal Information with purchasers and prospective purchasers or other parties in any actual or proposed reorganization, merger, sale, joint venture, assignment, transfer or other transaction relating to all or any portion of our business, assets or stock.

(v) Storage and Retention of Personal Information

Your Personal Information shall be stored either in hard copies in our offices or stored in servers located in Malaysia

and operated by us or our service providers.
Any Personal Information supplied by you will be retained by our organisation as long as necessary for the fulfilment of the purposes stated in paragraph (iii) above or is required to satisfy legal regulatory, accounting requirements or to protect our interests.

(vi) Access and Correction Requests, Questions and Concerns

We can assist you to access and correct your personal information held by us.

Where you wish to have access to your personal information in our possession, or where you are of the opinion that such personal information held by us is inaccurate, incomplete, misleading or where relevant, not up-to-date, you may make a request by contacting us as set out in the "Who to Contact About Your Personal Information" paragraph (i) above. You should quote your name, address and phone/account number and provide brief details of the information you want a copy of in any such request.
We will use reasonable efforts to comply with your request to access or correct your personal information within 21 days of receiving your request.
Please note that we may have to withhold access to your personal information in certain situations, for example when we are unable to confirm your identity or where information requested for is of a confidential commercial nature or in the event we receive repeated requests for the same information. Nevertheless, we will notify you of the reasons for not being able to accede to your request.

(vii) Online Dealings With Reapfield

Cookies

We collect information about your use of the Site from cookies. Cookies are packets of information stored in your computer which assist your website navigation by customizing site information tailored to your needs. Cookies in themselves do not identify the individual user, just the computer used. You are not obliged to accept cookies. If you are concerned, you can set your computer either to accept all cookies, to notify you when a cookie is issued, or not to receive cookies at any time. However, rejection of cookies may affect your use of the Site as we will be unable

to personalize aspects of your use of the Site.

Links to Third Party Websites

Please be informed that this Privacy Policy applies solely to the Site and does not apply to any third party websites you may access from our websites. To determine how they deal with your Personal Information, you should ensure that you read their respective privacy policies.

(viii) Confidentiality

Personal Information held by us will be kept confidential in accordance with this Privacy Policy pursuant to any applicable law that may from time to time be in force.

Any questions, comments, suggestions or information other than Personal Information sent or posted to this Site, or any part of the this Site by visitors will be deemed voluntarily provided to us on a non-confidential and non-proprietary basis.

We reserve the right to use, reproduce, disclose, transmit, publish, broadcast and/or post elsewhere such information freely for reasons set out in paragraph (iii) above.

(ix) Updates To Our Privacy Policy

We may amend this Privacy Policy from time to time and the updated version shall apply and supersede any and all previous versions, including but not limited to, leaflets or hard copy versions. Please check our website for information on our most up-to-date practices.

DASAR PRIVASI
REAPFIELD PROPERTIES (HQ) SDN BHD (No. Syarikat 1237273-P) dan anak-anak syarikatnya termasuk:-

REAPFIELD PROPERTIES (S.J) SDN BERHAD – 351345-M
REAPFIELD PROPERTIES (PUCHONG) SDN BHD – 661060-M

(secara kolektif dirujuk sebagai "Reapfield" atau "kami")

adalah komited untuk melindungi privasi para individu yang kami temui semasa menjalankan perniagaan kami. "Maklumat Peribadi" adalah maklumat yang mengidentifikasikan dan terkait dengan anda. Dasar Privasi ini menguraikan cara kami mengendalikan Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan baik melalui laman web ini ("Laman Ini") mahupun melalui cara-cara lain (misalnya, dari borang-borang kami yang anda isi, iklan-iklan, panggilan telefon, emel dan komunikasi lain dengan pihak kami, dan juga dari para peguam, pegawai bank atau pihak ketiga lain yang terlibat dalam urusan perniagaan kami dengan anda.

(i) Siapa Yang Harus Dihubungi Tentang Maklumat Peribadi Anda
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Maklumat Peribadi anda, anda boleh emel: hello@reapfield.com atau menulis kepada Reapfield Properties (HQ) Sdn Bhd, No. 1-8B, Jalan PJU 8/3A, Bandar Damansara Perdana, 478200 Petaling Jaya, Selangor.

(ii) Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan
Bergantung kepada hubungan anda dengan kami (misalnya, sebagai seorang pelanggan-pemilik; pelanggan-pembeli, bukan pelanggan atau bakal pelanggan atau orang lain yang berkaitan dengan perniagaan kami), Maklumat Peribadi yang dikumpulkan mengenai anda mungkin termasuk:

- Pengenalan am dan maklumat kenalan
- Nama anda; alamat; butir-butir harta, emel dan butiran-butiran telefon; kadar dana penyelenggaraan dan penjelasan; kelulusan-kelulusan bangunan; perjanjian sewa dan pulangan dan semua maklumat yang relevan berkaitan dengan jualan/ sewa harta anda.

- Nombor-nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh badan-badan atau agensi-agensi kerajaan Nombor kad pengenalan; nombor pasport; nombor pengenalan tentera/polis;
- Maklumat yang membolehkan kami menawarkan dan menyediakan perkhidmatan hartanah pada masa ini dan masa akan datang Hartanah pilihan dan lokasi
- Pilihan pemasaran dan maklumbalas pelanggan Anda boleh memberitahu kami tentang harta pilihan anda.

(iii) Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi
Kami menggunakan Maklumat Peribadi ini untuk:

- Berkomunikasi dengan anda dan orang lain sebagai sebahagian daripada perniagaan kami.
- Hantar maklumat penting mengenai perubahan kepada dasar-dasar kami, terma-terma dan syarat-syarat lain, Laman ini dan maklumat pentadbiran yang lain.
- Membuat keputusan samada untuk menyediakan perkhidmatan hartanah dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- Menyediakan perkhidmatan hartanah kami kepada anda.
- Menjalankan penyelidikan pasaran dan analisis, termasuk kajiselidik kepuasan.
- Menyediakan maklumat pemasaran kepada anda (termasuk maklumat tentang hartanah lain yang ditawarkan oleh rakan perniagaan pihak ketiga tertentu) mengikut pilihan-pilihan yang anda telah nyatakan.
- Menguruskan infrastruktur dan operasi perniagaan kami, dan mematuhi polisi-polisi dan prosedur-prosedur dalaman, termasuk yang berkaitan dengan pengauditan; kewangan dan perakaunan; pembilan dan pungutan; sistem IT; data dan penghosting laman web; kesinambungan perniagaan; dan rekod-rekod, pengurusan dokumen dan percetakan.
- Menyelesaikan aduan-aduan, dan mengendalikan permintaan untuk akses atau pembetulan data.
- Mematuhi undang-undang dan obligasi-obligasi kawal selia yang berkaitan seperti anti pengubahan wang haram dan anti keganasan; mematuhi proses perundangan; dan bertindak balas terhadap permintaan daripada pihak berkuasa awam dan kerajaan (termasuk pihak di luar negara bermastautin anda).

- Mewujudkan dan mempertahankan hak-hak perundangan; melindungi operasi kami atau mana-mana syarikat dalam kumpulan kami atau rakan perniagaan hartanah, hak-hak, privasi, keselamatan atau harta kami dan/atau syarikat dalam kumpulan kami, anda atau orang lain; dan menuntut remedi-remedi yang sedia ada atau menghadkan kerugian kami.

(iv) Perkongsian Maklumat Peribadi

Reapfield mungkin membekalkan Maklumat Peribadi kepada:

- Kami mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada anak-anak syarikat lain dalam kumpulan kami. Anak-anak syarikat tersebut akan menganggap Maklumat Peribadi sebagai sulit, selaras dengan Dasar Privasi ini dan semua undang-undang Perlindungan Data dan akan memproses Maklumat Peribadi tersebut hanya untuk tujuan-tujuan dan berlandaskan terma-terma yang dinyatakan di sini.
- Ejen-ejen hartanah lain atau agensi-agensi/perunding-perunding, pemaju-pemaju hartanah, pembina-pembina
- Pembekal-pembekal pihak ketiga:
- Pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga luaran, seperti peguam-peguam, akauntan-akauntan, penilai-penilai, bank-bank dan lain-lain penasihat-penasihat profesional luar;
- Pihak-pihak berkuasa kerajaan dan pihak-pihak ketiga yang terlibat dalam tindakan mahkamah
  Reapfield juga mungkin berkongsi Maklumat Peribadi dengan pihak berkuasa kerajaan atau pihak-pihak berkuasa awam lain (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, lembaga-lembaga pampasan pekerja, mahkamah, penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa cukai dan agensi-agensi penyiasatan jenayah); dan peserta-peserta proses perundangan sivil pihak ketiga dan akauntan-akauntan mereka, juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan penasihat-penasihat lain dan wakil-wakil seperti yang kami percaya adalah perlu atau wajar : (a) untuk mematuhi undang-undang, termasuk undang-undang di luar negara bermastautin anda; (b) untuk mematuhi proses perundangan; (c) untuk bertindak balas

terhadap permintaan-permintaan daripada pihak-pihak berkuasa awam dan kerajaan termasuk pihak berkuasa awam dan kerajaan di luar negara bermastautin anda; (d) untuk menguatkuasakan terma-terma dan syarat-syarat kami; (e) untuk melindungi operasi kami atau mana-mana syarikat dalam kumpulan kami; (f) untuk melindungi hak-hak, privasi, keselamatan atau harta kami, dan/atau mana-mana syarikat dalam kumpulan kami, anda atau orang-orang lain; dan (g) untuk membolehkan kami menuntut remedi-remedi yang sedia ada atau menghadkan kerugian kami.

- Pihak-Pihak Ketiga Lain
  Kami mungkin berkongsi Maklumat Peribadi anda dengan pembeli-pembeli dan bakal pembeli-pembeli atau pihak-pihak lain dalam mana-mana penyusunan semula sebenar atau yang dicadangkan, penggabungan, penjualan, usahasama, penyerahan hak, pemindahan atau transaksi lain yang berhubungan dengan semua atau mana-mana bahagian perniagaan, aset atau saham kami.

(v) Penyimpanan dan Pengekalan Maklumat Peribadi
Maklumat Peribadi anda akan disimpan sama ada dalam bentuk cetakan di pejabat-pejabat kami atau disimpan di dalam server yang terletak di Malaysia dan dikendalikan oleh kami atau pembekal-pembekal perkhidmatan kami.

Sebarang Maklumat Peribadi yang dibekalkan oleh anda akan disimpan oleh organisasi kami selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam perenggan (iii) di atas, atau yang dikehendaki untuk memenuhi penyelia-seliaan perundangan, keperluan-keperluan perakaunan atau untuk melindungi kepentingan kami.

(vi) Permintaan-permintaan Akses dan Pembetulan, Pertanyaan dan Kebimbangan
Kami boleh membantu anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda yang disimpan oleh kami

Sekiranya anda ingin mempunyai akses kepada maklumat peribadi anda dalam simpanan kami, atau anda berpendapat bahawa maklumat peribadi seperti yang disimpan oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau jika

berkaitan, tidak kemaskini, anda boleh membuat permintaan dengan menghubungi kami seperti yang dinyatakan di dalam “Siapa Yang Harus Dihubungi Tentang Maklumat Peribadi Anda” perenggan (i) di atas. Anda hendaklah menyatakan nama, alamat dan nombor telefon/akaun dan memberikan butiran-butiran ringkas mengenai maklumat yang anda ingin memperolehi satu salinan dalam sebarang permintaan tersebut.

Kami akan menggunakan usaha-usaha yang munasabah untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan maklumat peribadi anda dalam masa 21 hari dari tarikh penerimaan permintaan anda.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin terpaksa menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan-keadaan tertentu, misalnya apabila kita tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat rahsia komersial atau sekiranya kami menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda tentang sebab-sebab tidak dapat akur dengan permintaan anda.

(vii) Urusan-Urusan Atas Talian Dengan Reapfield

Kuki

Kami mengumpul maklumat tentang penggunaan Laman ini dari kuki. Kuki adalah paket-paket maklumat yang disimpan dalam komputer anda yang membantu navigasi laman web anda dengan menyesuaikan maklumat laman web supaya disesuaikan dengan keperluan anda. Kuki dalam bentuk sendiri tidak mengenalpasti pengguna individu, tetapi hanyalah komputer yang digunakan. Anda tidak diwajibkan untuk menerima kuki-kuki. Jika anda bimbang, anda boleh menetapkan komputer anda sama ada untuk menerima semua kuki, untuk memaklumkan anda apabila kuki-kuki dikeluarkan, atau tidak menerima kuki-kuki pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, penolakan kuki-kuki boleh menjejaskan penggunaan Laman ini kerana kami tidak akan dapat memperibadikan aspek penggunaan Laman ini.

Pautan ke Laman-Laman Web Pihak Ketiga

Sila ambil perhatian bahawa Dasar Privasi ini hanya terpakai

untuk Laman ini sahaja dan tidak terpakai untuk mana-mana laman web pihak ketiga yang anda boleh mengakses dari laman web kami. Untuk menentukan bagaimana mereka berurusan dengan Maklumat Peribadi anda, anda perlu memastikan bahawa anda membaca dasar privasi mereka masing-masing.

(viii) Kerahsiaan
Maklumat peribadi yang disimpan oleh kami akan dirahsiakan mengikut Dasar Privasi ini berlandaskan sebarang undang-undang yang mungkin berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan, komen, cadangan atau maklumat selain daripada Maklumat Peribadi yang dihantar atau diposkan ke Laman ini, atau mana-mana bahagian laman web ini oleh pelawat-pelawat akan dianggap telah diberikan secara sukarela kepada kami secara tidak sulit dan tidak dimiliki oleh sesiapa.

Kami berhak untuk menggunakan, mengeluarkan semula, mendedahkan, menghantar, menerbitkan, menyiarkan dan/atau mengepos di tempat lain maklumat tersebut secara bebas atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perenggan (iii) di atas.

(ix) Pengemaskinian Kepada Dasar Privasi Kami
Kami mungkin meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa dan versi terkini akan terpakai dan mengatasi mana-mana dan semua versi sebelum ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, risalah-risalah atau versi-versi salinan keras. Sila semak laman web kami untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan-amalan kami yang paling kemaskini.